



4 Oktober 2012
4 October 2012
P.U. (A) 325

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH HAD LAJU KEBANGSAAN (PINDAAN) (NO. 2) 2012

NATIONAL SPEED LIMIT (AMENDMENT) (NO. 2) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH HAD LAJU KEBANGSAAN (PINDAAN) (NO. 2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Had Laju Kebangsaan (Pindaan) (No. 2) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 5 Oktober 2012.

Pindaan Jadual

2. (1) Perintah Had Laju Kebangsaan 1989 [*P.U. (A) 18/1989*] dipinda dalam Jadual dengan memasukkan selepas butiran 17 butiran yang berikut:

“18. Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 yang bermula dari kilometer 303.395 (di koordinat U 249377.2218, T 136811.5933 Grid Cassini Negeri Terengganu) dan berakhir di kilometer 2.903 di Persimpangan Jalan Kg. Chabang (di koordinat U 257350.5920, T 147997.3780 Grid Cassini Negeri Terengganu)”.

(2) Jalan dengan had laju yang dinyatakan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

JADUAL
[Subperenggan 2(2)]
PETA LEBUH RAYA PANTAI TIMUR- FASA 2

